

**Malaysia Minta Negara Anggota PBB Dekati Proses Pemulihan Dengan Sikap Terbuka**  
**Bernama**  
**13 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Malaysia menggesa negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mendekati proses pemulihan dengan sikap terbuka selain keazaman politik bagi mencapai kemajuan ketara pada Perhimpunan Agung.

Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Datuk Hussein Haniff berkata Malaysia juga sanggup membincangkan pelbagai cara untuk meningkatkan kaedah urusan di Perhimpunan Agung bagi menjadikannya lebih berkesan.

Beliau berkata meningkatkan keberkesanan sahaja tidak memadai bagi memulihkan Perhimpunan Agung.

"Kami ingin mengulangi bahawa hanya apabila peranan mereka yang sebenar sebagai badan penggubal dasar dipulihkan, baru kita boleh menganggap diri kita sebenarnya memulihkan Perhimpunan Agung," katanya pada mesyuarat Kumpulan Kerja Ad Hoc mengenai Pemulihan Perhimpunan Agung pada sesi ke-67 di New York, Jumaat lepas.

Kenyataan beliau dihantar ke Bernama Isnin.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=949382>